



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA
Blok C1 - C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA(I)S.176/ 7/ 80/ 7 Klt. 2 (2)
Tarikh : 1 Mac 2019/ 24 Jamadilakhir 1440H

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-Ketua Jabatan/ Perkhidmatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PELAWAAN KEMUDAHAN PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA (PPKP) BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SIJIL DAN DIPLOMA KEMAHIRAN (TVET), DIPLOMA DAN IJAZAH PERTAMA SECARA SEPENUH MASA SESI 2019/2020

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan melalui pengumuman Bajet Tahun 2017 telah bersetuju untuk menyediakan kemudahan program Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa Kumpulan Pelaksana (CBBPDBKP) kepada Anggota Kumpulan Pelaksana (Persekutuan) untuk melanjutkan pengajian secara sepenuh masa di peringkat Sijil dan Diploma TVET, Diploma serta Ijazah Pertama. Bermula tahun 2019, program ini telah ditambah baik dan dijenamakan semula kepada **Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP)** yang mana merangkumi kaedah pengajian secara **sepuh masa dan separuh masa**.
3. Sehubungan itu, sukacita Jabatan ini ingin mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan dari kalangan Anggota Kumpulan Pelaksana di Kementerian/ Jabatan/ Agensi YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk memohon kemudahan penajaan ini bagi mengikuti pengajian di peringkat Sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia (TVET), Diploma dan Ijazah Pertama **Secara Sepenuh Masa Sesi 2019**.
4. Maklumat syarat dan kriteria, tatacara permohonan dan tanggungjawab Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran 1**. Pelawaan ini hanya




kepada **Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan sahaja** dan dibuka bermula **1 Mac 2019 sehingga 29 Februari 2020**. Permohonan adalah secara atas talian di <http://esilav2.jpa.gov.my/> . Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan ke 03-8885 3367/ 3468 /3518 atau emel sp.bmi@jpa.gov.my .

5. Perhatian dan tindakan lanjut YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. ZURINA BINTI ABDUL HAMID)
Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

**PELAWAAN KEMUDAHAN PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SIJIL DAN DIPLOMA
KEMAHIRAN (TVET), DIPLOMA DAN IJAZAH PERTAMA
SECARA SEPENUH MASA SESI 2019/2020**

Kerajaan melalui pengumuman Bajet Tahun 2017, bersetuju menyediakan kemudahan **Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa Kumpulan Pelaksana (CBBPDBKP)** yang berkeelayakan untuk mengikuti pengajian secara sepenuh masa bagi sesi 2018. Kemudahan ini bertujuan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat bagi memberi peluang kepada Kumpulan Pelaksana untuk meningkatkan pengetahuan melalui perolehan sijil-sijil akademik dan latihan kemahiran yang diiktiraf sesuai dengan keperluan perjawatan dan perkhidmatan yang diberikan di samping mempertingkatkan kualiti hidup dan boleh menjana pendapatan yang lebih baik. Bermula tahun 2019, kemudahan ini telah ditambahbaik dengan penawaran pengajian secara sepenuh masa dan separuh masa dan dijenamakan semula sebagai **Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP)**. Bagi pengajian secara sepenuh masa, permohonan dibuka bermula 1 Mac 2019 sehingga 29 Februari 2020 manakala pengajian separuh masa akan diiklankan pada April 2019.

(i) Bidang Pengajian

- (i) Bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di peringkat **Sijil Kemahiran Malaysia (12 hingga 24 bulan) dan Diploma Kemahiran Malaysia (24 hingga 36 bulan)** yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) seperti **LAMPIRAN 2**. Walau bagaimanapun, bidang-bidang ini adalah **tertakluk kepada penawaran semasa** oleh mana-mana politeknik, kolej komuniti atau pusat-pusat bertauliah awam tersebut; dan
- (ii) Bidang keperluan guna tenaga perkhidmatan awam bagi kemasukan peringkat **Diploma (36 bulan) dan Ijazah Pertama (48 bulan)**; **kecuali bidang profesional/kritikal seperti Perubatan, Pergigian, Farmasi, Veterinar dan Undang-Undang** seperti **LAMPIRAN 3**. Bidang Pendidikan terhad kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sahaja.

(ii) Syarat Umum

- (i) **Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (Kumpulan Pelaksana)** yang sedang berkhidmat dalam **perkhidmatan tetap**;
- (ii) Telah disahkan dalam skim perkhidmatan terkini;

LAMPIRAN 1

- (iii) Mencapai markah purata Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) **85% ke atas** bagi tempoh **tiga (3) tahun** di skim perkhidmatan terkini **secara berturut-turut (2015, 2016 & 2017) atau (2016, 2017 & 2018)**. Penilaian setahun LNPT hendaklah **genap 12 bulan**;
- (iv) **Telah menerima tawaran** melanjutkan pengajian **pada tahun 2019/2020 secara sepenuh masa** dan **belum memulakan pengajian di pusat-pusat bertauliah awam** yang ditauliahkan oleh **JPK/ kolej komuniti/ politeknik/ politeknik premier/ universiti awam** yang dipersetujui JPA;
- (v) Pegawai yang memohon kemudahan ini hendaklah mengikuti kursus pada **peringkat yang lebih tinggi** daripada kelayakan akademik yang telah dimiliki;
- (vi) Mematuhi **syarat genap tempoh tamat** mengikuti kursus jangka panjang/sederhana/pendek di bawah kemudahan cuti belajar sedia ada seperti berikut:-

| Tempoh Kursus | Tempoh Menunggu (Dikira bermula tarikh memulakan pengajian) |
|--|--|
| Lebih 12 bulan | 2 tahun |
| Lebih dari 3 bulan, kurang dari 12 bulan | 1 tahun |
| Kurang dari 3 bulan | Tiada |

- (vi) Permohonan **diperaku** oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan;
- (vii) **Bebas** dari sebarang pertuduhan/tindakan tatatertib/ dakwaan mahkamah;
- (viii) **Bukan peminjam tegar** pinjaman pelajaran atau bukan dalam senarai hitam Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau badan penaja lain;
- (ix) Telah mengisytiharkan harta; dan
- (x) Calon perlu bebas dari sebarang penyakit kronik seperti **LAMPIRAN 4**;

3. Syarat Khusus

SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (TVET)

- (i) Had umur tidak melebihi **45 tahun** pada **1 Januari 2019**;
- (ii) Telah berkhidmat **sekurang-kurangnya lima (5) tahun** pada **1 Januari 2019**;
- (iii) Memiliki kelulusan **Sijil Pelajaran Malaysia**;
- (iv) Pegawai mengikuti kursus/latihan kemahiran yang setahap atau kombinasi dengan tempoh **12 hingga 24 bulan**;
- (v) Ditawarkan bidang pengajian pada tahun 2019/2020 yang ditetapkan seperti **LAMPIRAN 2** di politeknik, kolej komuniti atau pusat-pusat bertauliah awam yang ditauliahkan oleh JPK seperti **LAMPIRAN 5**.

DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (TVET)

- (i) Had umur tidak melebihi **45 tahun** pada **1 Januari 2019**;
- (ii) Telah berkhidmat **sekurang-kurangnya lima (5) tahun** pada **1 Januari 2019**;
- (iii) Memiliki kelulusan **Sijil Pelajaran Malaysia** dan **Sijil Kemahiran Malaysia**;
- (iv) Pegawai mengikuti kursus/latihan kemahiran yang setahap atau kombinasi dengan tempoh **24 hingga 36 bulan**; dan
- (v) Ditawarkan bidang pengajian pada tahun 2019/2020 yang ditetapkan seperti **LAMPIRAN 2** di pusat-pusat bertauliah awam yang ditauliahkan oleh JPK/ politeknik/ kolej komuniti seperti **LAMPIRAN 5**.

DIPLOMA

- (i) Had umur tidak melebihi **45 tahun** pada **1 Januari 2019**;
- (ii) Telah berkhidmat **sekurang-kurangnya lima (5) tahun** pada **1 Januari 2019**;
- (iii) Memperoleh pencapaian akademik sekurang-kurangnya **lima (5) kepujian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** termasuk subjek Bahasa Melayu dan Sejarah atau setara (mengikut syarat keperluan Universiti);

- (iv) Ditawarkan bidang pengajian pada tahun 2019/2020 yang ditetapkan seperti **LAMPIRAN 3** di universiti-universiti awam atau politeknik seperti **LAMPIRAN 6**; dan
- (v) Kursus yang diikuti hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

IJAZAH PERTAMA

- (i) Had umur tidak melebihi **45 tahun** pada **1 Januari 2019**;
- (ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **10 tahun** pada **1 Januari 2019**;
- (iii) Memperoleh pencapaian akademik sekurang-kurangnya **lima (5) kepujian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** termasuk subjek Bahasa Melayu dan Sejarah atau setara (mengikut syarat keperluan universiti);
- (iv) Memiliki kelulusan sama ada Diploma/ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/ Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)/ *A-Level* atau yang setara dengannya;
- (iv) Memperoleh sekurang-kurangnya **Band 3** bagi keputusan *Malaysian University English Test* (MUET) **sebelum memulakan pengajian**;
- (v) Ditawarkan bidang pengajian pada tahun 2019/2020 yang ditetapkan seperti **LAMPIRAN 3** di universiti-universiti awam atau politeknik premier seperti **LAMPIRAN 6**; dan
- (vi) Kursus yang diikuti hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

4. Kemudahan

- (i) Calon yang berjaya akan ditawarkan kemudahan **Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBPDB)** bagi mengikuti pengajian dengan penajaan biasiswa daripada Kerajaan yang merangkumi bayaran yuran pengajian dan elaun-elaun yang berkecualan sepanjang tempoh pengajian;
- (ii) Kemudahan ini akan **ditamatkan** sekiranya pegawai tidak berjaya mengekalkan prestasi akademik **3.00 Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) setiap semester** bagi pengajian peringkat Diploma/Diploma Kemahiran Malaysia dan Ijazah Pertama; dan

- (iii) Penerima kemudahan juga tertakluk kepada ketetapan dalam Garis Panduan Dasar Pelaksanaan Tindakan Mengenakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya.

5. Ikatan Perjanjian Dengan Kerajaan

Calon yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Kerajaan dan pegawai adalah tertakluk kepada tempoh ikatan kontrak yang dikenakan untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

6. Tatacara Permohonan

- a. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi permohonan secara atas talian di portal eSila, JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka **mulai 1 Mac 2019 hingga 29 Februari 2020**.
- b. **Borang yang telah lengkap** diisi hendaklah **dimuat turun dan dicetak DALAM TIGA SALINAN untuk dihantar kepada Ketua Jabatan DAN Ketua Perkhidmatan masing-masing** dan disertakan bersama-sama:
 - i. Borang JPA(L)LDP 1A/96;
 - ii. Borang Perakuan Ketua Jabatan;
 - iii. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
 - iv. Salinan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) – bagi pemohon pengajian Diploma TVET;
 - v. Salinan Diploma/ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/ Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)/ A-Level/ setara – bagi pemohon pengajian Ijazah Pertama;
 - vi. Salinan Buku Perkhidmatan;
 - vii. Salinan surat tawaran pusat-pusat bertauliah awam/ kolej komuniti/ politeknik/ politeknik premier/ universiti awam yang dipersetujui JPA;
 - viii. Slip pengiktirafan kursus oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang dicetak melalui pautan <http://www2.mqa.gov.my/mqr/> bagi pemohon Diploma dan Ijazah Pertama sahaja;
 - ix. Borang Pengesahan Maklumat Pengajian (dibekalkan) – bagi pemohon Sijil dan Diploma TVET sahaja;

- x. Senarai penuh mata pelajaran yang akan diambil beserta kalendar akademik pengajian;
 - xi. Salinan surat pelantikan ke Perkhidmatan Awam; dan
 - xii. Salinan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran anak-anak (jika berkenaan).
- c. Dokumen di perkara (iii) hingga (xii) di atas hendaklah disahkan oleh pegawai yang berkelayakan. Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

7. Tanggungjawab Ketua Jabatan

- (i) Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi **sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan**. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk **memperakukan pegawai-pegawai yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan membenarkan pegawai meneruskan pengajian** sekiranya diluluskan oleh JPA.
- (ii) Pegawai yang berjaya adalah **kekal di jawatan yang sama** di kementerian/ jabatan/ agensi asal. Bagi membolehkan fungsi jawatan dilaksanakan di sepanjang tempoh pegawai cuti belajar, pihak Kementerian/ Jabatan/ Agensi boleh memohon perubahan sementara jawatan kepada **jawatan tambah sentara**. Pelaksanaan tanggung kerja ke atas jawatan ini juga boleh dilaksanakan berdasarkan keperluan.
- (iii) Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005. Hanya pencalonan yang **disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini**. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab PPSM untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:
 - (a) Mengisi Borang Laporan Jawatankuasa Latihan Kementerian/ Jabatan Untuk Kursus Dalam Perkhidmatan - JPA(L) LDP 1A/96 dan Borang Perakuan Ketua Jabatan; dan
 - (b) Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama **salinan dokumen seperti di perkara 6(b)**.
- (iv) **Pencalonan tanpa melalui PPSM/ Ketua Perkhidmatan dan tanpa borang-borang yang lengkap secara automatik tidak akan dipertimbangkan permohonannya;**

- (v) Jabatan ini **berhak menolak pencalonan** daripada Kementerian/Jabatan/Agensi yang didapati tidak mengambil tindakan di atas;
- (vi) **Pencalonan yang lengkap** hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya **SATU (1) BULAN SEBELUM** pendaftaran pengajian pegawai ke **alamat berikut:**
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
62510 PUTRAJAYA.
(u.p.: Unit Pembangunan Latihan Dalam Perkhidmatan)
- (viii) Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan ke 03-8885 3367/ 3468 /3518 atau emel sp.bmi@jpa.gov.my .

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN SESI 2019/2020
SIJIL DAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (TVET)**

| BIL. | SEKTOR | SUB-SEKTOR | |
|------|--|------------|--------------------------------------|
| 1 | Elektrik dan Elektronik, Telekomunikasi dan Industri Penyiaran | 1 | Elektrik |
| | | 2 | Elektronik |
| | | 3 | Telekomunikasi |
| | | 4 | Penyiaran |
| | | 5 | Penjanaan Kuasa |
| | | 6 | Kawalan Proses |
| 2 | Teknologi Maklumat dan Komunikasi | 1 | Multimedia |
| | | 2 | Pusat Data |
| | | 3 | Penyelenggaraan/Pusat Khidmat |
| | | 4 | Pembangunan Aplikasi |
| | | 5 | Solution Development |
| 3 | Pemesinan dan Peralatan | 1 | Alatan Kepersisan Mekanikal |
| | | 2 | Teknologi Pemesinan Logam |
| | | 3 | Fabrikasi Logam dan Foundri |
| | | 4 | Teknologi Kimpalan & Fabrikasi Logam |
| | | 5 | Automasi Perindustrian & Mekatronik |
| | | 6 | Perindustrian Mekanikal |
| | | 7 | Ujian Tanpa Musnah |
| | | 8 | Lukisan Pelan-Mekanikal |
| | | 9 | Inovasi |
| 4 | Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Mekanikal dan Elektrik | 1 | Penyejuk Bekuan & Penyaman Udara |
| | | 2 | Penyelenggaraan Mesin & Peralatan |
| | | 3 | Perlindungan Kebakaran |
| | | 4 | Operasi & Penyelenggaraan Bangunan |

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN SESI 2019/2020
SIJIL DAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (TVET)**

| BIL. | SEKTOR | SUB-SEKTOR |
|------|--------------|--|
| 5 | Pengangkutan | 1 Penerbangan |
| | | 2 Maritim |
| | | 3 Jentera dan Pengangkutan Darat |
| | | 4 Pemasangan Kenderaan Bermotor |
| | | 5 Pemasangan Motosikal |
| | | 6 Jentera dan Pengangkutan Darat |
| | | 7 Angkasa Lepas |
| | | 8 Industri Keretapi |
| 6 | Bahan | 1 Komposit |
| | | 2 Bahan Termaju |
| | | 3 Penyaduran |
| | | 4 Seramik |
| 7 | Pembungkusan | 1 Pembungkusan Plastik |
| | | 2 Pembungkusan Fleksibel |
| | | 3 Pembungkusan Logam |
| | | 4 Pembungkusan Kertas |
| | | 5 Pembungkusan Kaca |
| | | 6 Pembungkusan Kayu |
| | | 7 Rekabentuk Pembungkusan |
| | | 8 Percetakan & Pembangunan |
| | | 9 Pembungkusan Farmaseutikal |
| | | 10 Pembungkusan Makanan |
| 8 | Percetakan | 1 Teknologi Percetakan - Impact |
| | | 2 Teknologi Percetakan – Non-Impact |
| | | 3 Penyelenggaraan Peralatan Percetakan |
| | | 4 Penerbitan |

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN SESI 2019/2020
SIJIL DAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (TVET)**

| BIL. | SEKTOR | SUB-SEKTOR | |
|------|-----------------------------|------------|---|
| 9 | Kimia | 1 | Pengurusan Operasi Air |
| | | 2 | Rawatan Air Kumbahan |
| | | 3 | Rawatan Kimia |
| | | 4 | Fertilizer |
| | | 5 | Inorganic |
| | | 6 | Speciality Chemical |
| | | 7 | Forensic Science/Biology |
| | | 8 | Operasi Empangan |
| 10 | Perubatan dan Farmaseutikal | 1 | Perkhidmatan Perubatan |
| | | 2 | Kosmetologi |
| | | 3 | Perkhidmatan Kejururawatan |
| | | 4 | Perkhidmatan Sokongan Hospital/Klinikal |
| | | 5 | Perkhidmatan Pergigian |
| | | 6 | Kesihatan dan Perkhidmatan Penjagaan Diri |
| | | 7 | Kelengkapan Dan Peralatan Perubatan |
| | | 8 | Perubatan Tradisional |
| | | 9 | Pembuatan Produk Farmaseutikal |
| | | 10 | Perkhidmatan Diagnosis |
| | | 11 | Perkhidmatan Haiwan |
| 11 | Hospitaliti dan Pelancongan | 1 | Ejen Pelancongan |
| | | 2 | Taman Tema |
| | | 3 | Sukan dan Rekreasi |
| | | 4 | Kemudahan Penginapan |
| | | 5 | Makanan & Minuman |
| | | 6 | Pengemasan |
| | | 7 | Kaunter Hadapan |
| | | 8 | Dapur |
| | | 9 | Pemandu Pelancong |
| | | 10 | Pengangkutan |
| | | 11 | MICE (Meeting, Incentive, Convention, Exhibition) |
| | | 12 | Perkhidmatan Personal |
| | | 13 | Keselamatan Akuatik & Penyelamatan |
| | | 14 | Konservasi Hidupan Liar |

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN SESI 2019/2020
SIJIL DAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (TVET)**

| BIL. | SEKTOR | SUB-SEKTOR | |
|------|--------------------------------|------------|--------------------------------------|
| 12 | Cenderahati dan Industri Kecil | 1 | Kraftangan |
| | | 2 | Barangan Kulit |
| 13 | Bangunan dan Pembinaan | 1 | Kejuruteraan Awam |
| | | 2 | Struktural |
| | | 3 | Senibina |
| | | 4 | Machinery & Plant |
| | | 5 | Sistem Pembinaan Perindustrian |
| | | 6 | Supervisor Tapak Pembinaan |
| | | 7 | Penyelenggaraan Bangunan |
| 14 | Lanskap dan Alam Sekitar | 1 | Pembinaan Landskap |
| | | 2 | Alam Sekitar |
| | | 3 | Park & Garden |
| 15 | Hiasan Dalaman | 1 | Lukisan Pelan-Rekabentuk Dalaman |
| | | 2 | Pengilangan Rekabentuk Bahan |
| | | 3 | Rekabentuk Tapak Acuan |
| | | 4 | Penyudahan |
| | | 5 | Hiasan Dalaman |
| 16 | Pengurusan Bisnes | 1 | Perniagaan & Kewangan |
| | | 2 | Perakaunan, Pengauditan & Percukaian |
| | | 3 | Perbankan |
| | | 4 | Perniagaan & Kewangan-Insuran |
| | | 5 | Sokongan IT |
| 17 | Tekstil dan Pakaian | 1 | Tekstil & Pakaian |
| | | 2 | Pemesinan Tekstil |
| | | 3 | Fiber Spinning |
| | | 4 | Spinning |
| | | 5 | Weaving |
| | | 6 | Knitting |
| | | 7 | Carpet Production |
| | | 8 | Pengeluaran Pakaian |
| | | 9 | Rekabentuk Pakaian |

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN SESI 2019/2020
SIJIL DAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (TVET)**

| BIL. | SEKTOR | SUB-SEKTOR | |
|------|-------------------------------------|------------|---------------------------------------|
| 18 | Pertanian dan Asas Tani | 1 | Akuakultur |
| | | 2 | Tangkapan Perikanan |
| | | 3 | Food Floriculture & Industrial Crop |
| | | 4 | Livestock Husbandry-Feed |
| | | 5 | Livestock Husbandry-Herb Health |
| | | 6 | Livestock Husbandry-Production |
| | | 7 | Livestock Husbandry-Slaughterer House |
| | | 8 | Mesin Pertanian & Perladangan |
| | | 9 | Pelancongan Agro |
| 19 | Sumber Asas | 1 | Kerja Kayu & Kerja Kayu Arkitekural |
| | | 2 | Perabot |
| | | 3 | Getah & Hasil Getah |
| | | 4 | Kelapa Sawit & Hasil Kelapa Sawit |
| | | 5 | Pemprosesan Kayu |
| | | 6 | Penanaman Hutan |
| | | 7 | Kenaf |
| 20 | Bioteknologi | 1 | Bioteknologi Penjagaan Kesihatan |
| | | 2 | Bioteknologi Pertanian |
| | | 3 | Bioteknologi Perindustrian |
| 21 | Pendidikan dan Perkhidmatan Latihan | 1 | Pengurusan Hal Ehwal Islam |
| | | 2 | Pengajar |
| | | 3 | Penyeliaan |
| 22 | Minyak dan Gas | 1 | Minyak |
| | | 2 | Gas |
| | | 3 | Petrokimia |
| | | 4 | Pembinaan |
| | | 5 | Penyelaman Komersial |
| 23 | Industri Halal | 1 | Pengauditan |
| | | 2 | Pembersihan Dalam Islam |
| | | 3 | Pengeluaran & Proses |

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN SESI 2019/2020
SIJIL DAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (TVET)**

| BIL. | SEKTOR | SUB-SEKTOR | |
|------|--|------------|--|
| 24 | Industri Perkhidmatan dan Logistik Bersepadu | 1 | Road Transport Services Provider |
| | | 2 | Rail Transport Services Provider |
| | | 3 | MTO Transport Operator |
| | | 4 | Terminal Operation Services Provider |
| | | 5 | Sea Transport Services Provider |
| | | 6 | Facility Services Provider |
| | | 7 | Distribution Services Provider |
| | | 8 | Integrated Logistics Services Provider |
| 25 | Perniagaan Secara Distributif | 1 | Borong |
| | | 2 | Peruncitan |
| | | 3 | Jualan Langsung |
| | | 4 | Restoren & Katering |
| | | 5 | Logistik |
| | | 6 | Kenderaan Bermotor |
| 26 | Pertahanan, Perkhidmatan dan Keselamatan | 1 | Perkhidmatan Pengawal Keselamatan |
| | | 2 | Unit Anjing Pengesan |
| | | 3 | Sistem Pemantauan Berpusat |
| | | 4 | Sistem Keselamatan Elektronik |
| | | 5 | Telekomunikasi Sistem Keselamatan |
| | | 6 | Telekomunikasi Operasi |
| | | 7 | Perkhidmatan Penyiasatan |
| | | 8 | Teknologi Senjata |
| | | 9 | Telekomunikasi Servis |
| | | 10 | Keselamatan Pelabuhan |
| 27 | Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti | 1 | Pekerja Domestik |
| | | 2 | Penjagaan Kanak-Kanak |
| | | 3 | Penjagaan OKU |
| | | 4 | Penjagaan Warga Emas |
| | | 5 | Perkhidmatan Komuniti |
| | | 6 | Penjaga Lepas Sekolah |
| | | 7 | Perkhidmatan Kaunseling |

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN SESI 2019/2020
SIJIL DAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (TVET)**

| BIL. | SEKTOR | SUB-SEKTOR | |
|------|----------------------------|------------|------------------------------------|
| 28 | Sektor Seni dan Kebudayaan | 1 | Muzik |
| | | 2 | Fotografi |
| | | 3 | International Film & TV Production |
| 29 | Industri Perlombongan | 1 | Mining Support Operation |
| | | 2 | Underground Mining |
| | | 3 | Opencast Mining |
| | | 4 | Quarry |
| | | 5 | Offshore Mining |
| | | 6 | Dredging Mining |

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN SESI 2019/2020
DIPLOMA DAN IJAZAH PERTAMA**

| BIL | KLUSTER | BIDANG | |
|-----|----------------------------|--------|--|
| 1 | Agriculture and Veterinary | 1 | Botani |
| | | 2 | Pengurusan Perladangan |
| | | 3 | Perhutanan |
| | | 4 | Perikanan |
| | | 5 | Pertanian |
| 2 | Arts and Humanities | 1 | Animasi |
| | | 2 | Bahasa |
| | | 3 | Grafik dan Multimedia |
| | | 4 | Kaji Purba |
| | | 5 | Kebudayaan dan Kesenian Melayu |
| | | 6 | Keseniaan/Kebudayaan |
| | | 7 | Kesusasteraan Inggeris |
| | | 8 | Kesusasteraan Lain-Lain |
| | | 9 | Kesusasteraan Melayu |
| | | 10 | Linguistik |
| | | 11 | Multimedia |
| | | 12 | Pengajian Bahasa |
| | | 13 | Pengajian Islam |
| | | 14 | Pengajian Melayu |
| | | 15 | Pengajian Seni Kreatif |
| | | 16 | Pengajian Warisan (Permuziuman dan Konservasi) |
| | | 17 | Pengurusan Muzium |
| | | 18 | Perfileman |
| | | 19 | Pertuturan |
| | | 20 | Sastera |
| | | 21 | Sejarah |
| | | 22 | Seni Halus |
| | | 23 | Seni Lukis dan Seni Reka |
| | | 24 | Seni Muzik |
| | | 25 | Seni Persembahan (Drama) |
| | | 26 | Seni Persembahan (Tari) |
| | | 27 | Seni Persembahan (Teater) |
| | | 28 | Tahfiz Al Quran |

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN SESI 2019/2020
DIPLOMA DAN IJAZAH PERTAMA**

| BIL | KLUSTER | BIDANG | |
|-----|---|--------|---|
| 3 | Education | 1 | Pendidikan |
| 4 | Engineering, Manufacturing and Construction | 1 | Geomatik |
| | | 2 | Kejuruteraan Alam Sekitar |
| | | 3 | Kejuruteraan Automotif |
| | | 4 | Kejuruteraan Awam |
| | | 5 | Kejuruteraan Bahan |
| | | 6 | Kejuruteraan Biokimia |
| | | 7 | Kejuruteraan Elektrik |
| | | 8 | Kejuruteraan Elektronik |
| | | 9 | Kejuruteraan Kimia |
| | | 10 | Kejuruteraan Komputer |
| | | 11 | Kejuruteraan Marin |
| | | 12 | Kejuruteraan Maritim/Laut |
| | | 13 | Kejuruteraan Mekanik |
| | | 14 | Kejuruteraan Mekatronik |
| | | 15 | Kejuruteraan Pembuatan |
| | | 16 | Kejuruteraan Perairan dan Senibina Laut |
| | | 17 | Pengajian Nautikal |
| | | 18 | Pengurusan Maritim |
| | | 19 | Penyelenggaraan Pesawat |
| | | 20 | Remote Sensing |
| | | 21 | Seni Bina Lanskap (Kepujian) |
| | | 22 | Senibina (Architecture) |
| | | 23 | Teknologi Kejuruteraan Awam |
| | | 24 | Teknologi Kejuruteraan Elektronik |
| | | 25 | Teknologi Kejuruteraan Kimia |
| | | 26 | Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) |
| | | 27 | Teknologi Kejuruteraan Mekanikal |

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN SESI 2019/2020
DIPLOMA DAN IJAZAH PERTAMA**

| BIL. | KLUSTER | BIDANG | |
|------|---|--------|---------------------------------------|
| 4 | Engineering, Manufacturing and Construction | 28 | Teknologi Kreatif |
| | | 29 | Teknologi Makanan |
| | | 30 | Teknologi Maklumat |
| | | 31 | Teknologi Marin |
| | | 32 | Teknologi Maritim |
| | | 33 | Teknologi Perkayuan |
| | | 34 | Ukur Bahan |
| | | 35 | Ukur Bangunan |
| | | 36 | Ukur Tanah |
| 5 | Health and Welfare | 1 | Dietetik |
| | | 2 | Fisioterapi |
| | | 3 | Kejururawatan |
| | | 4 | Nutrisi |
| | | 5 | Optometri |
| | | 6 | Pemulihan Carakerja |
| 6 | Science, Mathematics and Computing | 1 | Astronomi - Sains |
| | | 2 | Audiologi |
| | | 3 | Ekologi |
| | | 4 | Forensik Sains |
| | | 5 | Geologi |
| | | 6 | Geosains |
| | | 7 | Meteorologi |
| | | 8 | Oseanografi |
| | | 9 | Pengimejan Diagnostik dan Radioterapi |
| | | 10 | Pengimejan Perubatan |
| | | 11 | Radiografi |
| | | 12 | Sains (Geoinformatik) |
| | | 13 | Sains Aktuari |
| | | 14 | Sains Bioindustri |
| 15 | Sains Biologi | | |

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN SESI 2019/2020
DIPLOMA DAN IJAZAH PERTAMA**

| BIL. | KLUSTER | BIDANG | |
|------|------------------------------------|--------|-------------------------------------|
| 6 | Science, Mathematics and Computing | 16 | Sains Fizik |
| | | 17 | Sains Kimia |
| | | 18 | Sains Kognitif |
| | | 19 | Sains Komputer |
| | | 20 | Sains Laut |
| | | 21 | Sains Maklumat |
| | | 22 | Sains Matematik |
| | | 23 | Sains Pemakanan |
| | | 24 | Sains Persekitaran |
| | | 25 | Sains Samudera |
| | | 26 | Sistem Maklumat |
| | | 27 | Statistik |
| | | 28 | Telekomunikasi |
| 29 | Zoologi | | |
| 7 | Services | 1 | Bidang Keselamatan/Pertahanan Awam |
| | | 2 | Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| | | 3 | Pelancongan |
| | | 4 | Pembangunan Belia dan Komuniti |
| | | 5 | Pengurusan Hospitaliti |
| | | 6 | Pengurusan Hotel dan Katering |
| | | 7 | Pengurusan Kualiti Makanan |
| | | 8 | Pengurusan Pembangunan Masyarakat |
| | | 9 | Pengurusan Perkhidmatan Makanan |
| | | 10 | Seni Kulinari |
| 8 | Social Science, Business and Law | 1 | Antropologi |
| | | 2 | Arkib |
| | | 3 | Bioteknologi |
| | | 4 | Ekonomi |
| | | 5 | Ekonomi Rumahtangga |
| | | 6 | Fotografi |

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN SESI 2019/2020
DIPLOMA DAN IJAZAH PERTAMA**

| BIL. | KLUSTER | BIDANG | |
|------|----------------------------------|--------|----------------------------------|
| 8 | Social Science, Business and Law | 7 | Geografi |
| | | 8 | Insurans |
| | | 9 | Kaunseling |
| | | 10 | Keusahawanan |
| | | 11 | Kewangan |
| | | 12 | Kewartawanan |
| | | 13 | Komunikasi |
| | | 14 | Komunikasi Massa |
| | | 15 | Pemasaran |
| | | 16 | Pembangunan Sumber Manusia |
| | | 17 | Penerbitan/Peretakan |
| | | 18 | Pengajian Media |
| | | 19 | Pengajian Perniagaan |
| | | 20 | Pengurusan Acara |
| | | 21 | Pengurusan dan Teknologi Pejabat |
| | | 22 | Pengurusan Harta Tanah |
| | | 23 | Pengurusan Sukan dan Rekreasi |
| | | 24 | Pentadbiran Awam |
| | | 25 | Penyiaran |
| | | 26 | Perakaunan |
| | | 27 | Perancangan Bandar dan Wilayah |
| | | 28 | Perbankan |
| | | 29 | Percukaian |
| | | 30 | Perdagangan |
| | | 31 | Perhubungan Antarabangsa |
| | | 32 | Peruncitan |
| | | 33 | Psikologi |
| | | 34 | Sains Kemasyarakatan |
| | | 35 | Sains Kesetiausahaan |
| | | 36 | Sains Pengurusan Rekod |

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN SESI 2019/2020
DIPLOMA DAN IJAZAH PERTAMA**

| BIL. | KLUSTER | BIDANG | |
|------|----------------------------------|--------|--------------------|
| 8 | Social Science, Business and Law | 37 | Sains Perpustakaan |
| | | 38 | Sains Politik |
| | | 39 | Sains Sukan |
| | | 40 | Sosiologi |
| | | 41 | Tesl |

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

- (i) Kanser;
- (ii) Serangan jantung;
- (iii) Pulmonary Hypertension;
- (iv) Sakit buah pinggang yang kronik;
- (v) Sakit hati (*LIVER*) yang kronik;
- (vi) Fullminant Viral Hepatitis;
- (vii) Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- (viii) Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- (ix) Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- (x) Pemindahan organ utama;
- (xi) Penyakit Parkinson;
- (xii) Penyakit HIV dan AIDS;
- (xiii) Pemindahan kaki dan/atau tangan;
- (xiv) Skizofernia; dan
- (xv) Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh pakar perubatan Kerajaan dan/atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja.

**SENARAI PUSAT BERTAULIAH AWAM SESI 2019/2020
SIJIL DAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA**

| BIL | KELOLAAN | NAMA PUSAT | |
|-----|--|------------|---|
| 1 | Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani | 1 | Kolej Pertanian Malaysia |
| | | 2 | Kolej Perikanan Malaysia |
| | | 3 | Institut Pertanian |
| | | 4 | Kompleks Bimbingan Usahawan Tani |
| | | 5 | Pusat Latihan Padi MADA (MRTC) |
| | | 6 | Institut Veterinar Malaysia (IVM) |
| | | 7 | Institut Teknologi Unggas (ITU) |
| | | 8 | Institut Perikanan Malaysia (APM) |
| | | 9 | Sekolah Perikanan Tangkapan |
| | | 10 | Pusat Perkhidmatan Teknikal MARDI |
| 2 | Kementerian Belia dan Sukan | 1 | Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) |
| | | 2 | Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) |
| 3 | Jabatan Tenaga Manusia | 1 | Japan - Malaysian Technical Institute (JMTi) |
| | | 2 | Institut Latihan Perindustrian (ILP) |
| | | 3 | Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) |
| 4 | MARA | 1 | GIATMARA |
| | | 2 | Institut Kemahiran MARA |
| | | 3 | Kolej Kemahiran Tinggi MARA |
| | | 4 | Kolej Poly-Tech MARA |
| 5 | Kementerian Pendidikan Malaysia | 1 | Politeknik |
| | | 2 | Kolej Komuniti |
| 6 | Lain-Lain | 1 | Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara |
| | | 2 | Akademi Kemahiran Belia Golf |
| | | 3 | Akademi Kemahiran KEMAS |
| | | 4 | Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) |
| | | 5 | IKIP Advanced Skills Centre |
| | | 6 | Institut Kemahiran Baitulmal |
| | | 7 | Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) |
| | | 8 | Institut Kemajuan Desa (INFRA) |
| | | 9 | Institut Kemajuan Ikhtisas Pahang |
| | | 10 | Institut Latihan Kemahiran Baitulmal |

**SENARAI PUSAT BERTAULIAH AWAM SESI 2019/2020
SIJIL DAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA**

| BIL. | KELOLAAN | NAMA PUSAT |
|------|-----------|--|
| 6 | Lain-Lain | 11 Institut Latihan KEMAS |
| | | 12 Institut Pengurusan dan Perindustrian Yayasan Negeri Sembilan |
| | | 13 Institut Perhotelan dan Pelancongan Negeri Sembilan |
| | | 14 Institut Sosial Malaysia |
| | | 15 Institut Teklologi Yayasan Negeri Sembilan |
| | | 16 Institut Teknologi Yayasan Negeri Sembilan |
| | | 17 Johor Skills Development Centre (PUSPATRI) |
| | | 18 Kedah Industrial Skills & Management Development Centre |
| | | 19 Kolej KEDA |
| | | 20 Kolej Kemahiran Belia Nasional |
| | | 21 Kolej RISDA |
| | | 22 Kolej Teknikal Yayasan Sabah |
| | | 23 Kolej Yayasan Felda Kampus Mempaga |
| | | 24 Kolej Yayasan Pahang Advance Skills |
| | | 25 Kolej Yayasan Pelajaran Johor |
| | | 26 Kolej Yayasan Sabah |
| | | 27 Kolej Yayasan Melaka |
| | | 28 Kolej Komuniti YPJ |
| | | 29 Pusat Latihan Industri Perkayuan Terengganu |
| | | 30 Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) |
| | | 31 Pusat Latihan Perindustrian dan Pemuliharaan Bangi |
| | | 32 Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) |
| | | 33 Pusat Latihan Yayasan Basmi Kemiskinan Selangor (YBK) |
| | | 34 Pusat Pembangunan Keilmuan dan Kemahiran Akademi DBP |
| | | 35 Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) Sabah |
| | | 36 Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Sembilan (NSSDC) |
| | | 37 Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Terengganu (TESDEC) |
| | | 38 Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang |
| | | 39 Pusat Pembangunan Kemahiran Perindustrian Melaka (MISDC) |
| | | 40 Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) |

**SENARAI PUSAT BERTAULIAH AWAM SESI 2019/2020
SIJIL DAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA**

| BIL | KELOLAAN | NAMA PUSAT | |
|-----|-----------|------------|--|
| 5 | Lain-Lain | 41 | Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (SAVTI) |
| | | 42 | Pusat Pembangunan Modal Insan Perak (PHCDC) |
| | | 43 | Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Sembilan |
| | | 44 | Pusat Pembangunan Tenaga Manusia Selangor (SHRDC) |
| | | 45 | Pusat Pembangunan Usahawan dan Kemahiran Perak (PESDC) |
| | | 46 | Sabah Skills & Technology Centre |

**SENARAI POLITEKNIK DAN UNIVERSITI TEMPATAN
SESI 2019/2020 DIPLOMA DAN IJAZAH PERTAMA**

| BIL. | SENARAI POLITEKNIK |
|-------------|--|
| A. | POLITEKNIK PREMIER |
| 1 | Politeknik Ungku Omar |
| 2 | Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah |
| 3 | Politeknik Ibrahim Sultan |
| B. | POLITEKNIK KONVENSIONAL |
| 4 | Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah |
| 5 | Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah |
| 6 | Politeknik Kota Bharu |
| 7 | Politeknik Kuching Sarawak |
| 8 | Politeknik Port Dickson |
| 9 | Politeknik Kota Kinabalu |
| 10 | Politeknik Seberang Perai |
| 11 | Politeknik Melaka |
| 12 | Politeknik Kuala Terengganu |
| 13 | Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin |
| 14 | Politeknik Merlimau |
| 15 | Politeknik Sultan Azlan Shah |
| 16 | Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah |
| 17 | Politeknik Sultan Idris Shah |
| 18 | Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin |
| 19 | Politeknik Muadzam Shah |
| 20 | Politeknik Mukah Sarawak |
| 21 | Politeknik Balik Pulau |
| 22 | Politeknik Jeli |
| 23 | Politeknik Nilai |
| 24 | Politeknik Bentong |
| 25 | Politeknik Mersing |
| 26 | Politeknik Hulu Terengganu |
| 27 | Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail |
| 28 | Politeknik Sandakan |
| 29 | Politeknik Kuala Terengganu (Caw. Besut) |
| 30 | Politeknik Nilai (Caw. Seri Menanti) |
| 31 | Politeknik Ungku Omar (Caw. Bagan Datuk) |
| 32 | Politeknik Sandakan (Caw. Tawau) |
| C. | POLITEKNIK METrO |
| 33 | Politeknik METrO Kuala Lumpur |
| 34 | Politeknik METrO Johor Bahru |
| 35 | Politeknik METrO Tasek Gelugor |
| 36 | Politeknik METrO Kuantan |
| 37 | Politeknik METrO Betong |

**SENARAI POLITEKNIK DAN UNIVERSITI TEMPATAN
SESI 2019/2020 DIPLOMA DAN IJAZAH PERTAMA**

| BIL. | SENARAI UNIVERSITI AWAM |
|-------------|--|
| A. | UNIVERSITI PENYELIDIKAN (RU) |
| 1 | Universiti Malaya (UM) |
| 2 | Universiti Sains Malaysia (USM) |
| 3 | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) |
| 4 | Universiti Putra Malaysia (UPM) |
| 5 | Universiti Teknologi Malaysia (UTM) |
| B. | UNIVERSITI KOMPREHENSIF |
| 1 | Universiti Teknologi MARA (UiTM) |
| 2 | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) |
| 3 | Universiti Malaysia Sabah (UMS) |
| 4 | Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) |
| 5 | Universiti Utara Malaysia (UUM) |
| 6 | Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) |
| 7 | Universiti Malaysia Terengganu (UMT) |
| 8 | Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) |
| 9 | Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) |
| 10 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) |
| 11 | Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) |
| C. | UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA (MTUN) |
| 1 | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) |
| 2 | Universiti Teknikal Melaka (UTeM) |
| 3 | Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) |
| 4 | Universiti Malaysia Pahang (UMP) |